

## lokal

### PADANG MERBOK DIPAGAR

# Ini penjelasan DBKL!

Kuala Lumpur

**P**emasangan pagar besi di sekeliling Padang Merbok di sini, adalah sebahagian daripada kaedah penyelenggaraan dan pengjagaan padang di kawasan berkenaan bagi memastikan ia sentiasa dalam kondisi terbaik serta boleh digunakan secara optimum.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah berkata, penggunaan padang tanpa kawalan dan sistem teratur sebelum ini mengakibatkan kawasan hijau itu sering rosak, sekali gus menelan kos baik pulih dan naik taraf yang tinggi.

“Dengan pagar itu saya yakin penjagaan padang akan lebih sempurna dan terkawal dan sesiapa saja boleh membuat booking (tempahan) untuk menggunakan padang.

“Orang nak masuk pun kita boleh uruskan dengan baik, ada giliran, kalau padang tu rosak kita tutup sekejap, baiki dan selenggara sebelum dibuka balik, saya rasa ia akan lebih terkawal dan terjamin,” katanya, semalam.

Kelman, media melaporkan dua Ahli Parlimen Wilayah Persekutuan mempersoal dan meminta penjelasan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) berkenaan tindakan mendirikan pagar berstruktur kekal setinggi sekitar lima kaki



PADANG Merbok antara lokasi ikonik di tengah-tengah kota Kuala Lumpur.

(1.5 meter) di sekeliling padang itu dan menyifatkan perkara itu sebagai menghantar isyarat salah kepada warga kota.

Antara yang dipersoal termasuk pagar berkenaan dilihat menghalang warga kota menggunakan kemudahan awam untuk rekreasi selain menghalang daripada berkumpul sebelum berjalan ke bangunan parlimen bagi menghantar memorandum atau melalui protes.

Mengulas lanjut, Mahadi berkata, orang ramai masih dibenarkan menggunakan padang itu dengan kebenaran secara berjadual dan pendekatan serupa juga pernah dilaksanakan di bebe-



*Dengan pagar itu saya yakin penjagaan padang akan lebih sempurna dan terkawal”*

**Mahadi**

rapa kawasan lain bagi tujuan sama.

Menurutnya, padang berkenaan yang juga mengalami isu saliran, masih menjalani kerja-kerja naik taraf dan belum dibuka kepada orang ramai.

Terdahulu Mahadi merasmikan Majlis Penutupan dan

Perlawanan Akhir Kejohanan Bola Sepak Perumahan Awam (PA) dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) DBKL atau DBKL Home Cup 2022 di Stadium Kuala Lumpur.

Mahadi berkata, kejohanan julung kali itu bertujuan menghidupkan aktiviti sukan di kawasan PA dan PR selain menjadi medium penduduk menonjolkan bakat bola sepak untuk diketengahkan ke peringkat lebih tinggi.

Katanya, program yang bermula 16 Julai lalu itu akan menjadi acara tahunan dan diharap dapat menarik minat golongan muda di kawasan berkenaan ke arah gaya hidup lebih positif.